



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (27 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **terdapat satu (1) kes kematian** baharu melibatkan jangkitan COVID-19 di Sibu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian meningkat kepada **34 kes**.

Manakala terdapat **70 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Sarawak [Sibu (34), Dalat (10), Bintulu (9), Kanowit (7), Betong (4), Miri (2), Serian (2), Kuching (1) dan Bau (1).] menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 3,774 kes**.

#### **A. Kes Kematian Baharu COVID-19**

##### **I. Kes Kematian Ke-34.**

**Kes kematian Ke-34 merupakan kes ke-1,745** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 74 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Sibu pada 17 Januari 2021 kerana mengalami kesesakan pernafasan.

Saringan ujian COVID-19 adalah positif COVID-19. Keadaan kesihatan kes merosot dan telah meninggal dunia pada 26 Januari 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit gout.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin mengucapkan ucapan Takziah kepada ahli keluarga mangsa.

## **B. Kes Baharu COVID-19**

### **I. Daerah Sibu (34 Kes)**

- a) **26 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **3 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di Daerah Sibu. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- c) **2 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- d) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui saringan surveyan COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- e) **2 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di Daerah Sibu. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **II. Daerah Dalat (10 Kes)**

- a) **6 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **III. Dearah Bintulu (9 Kes)**

- a) **5 kes** yang melibatkan Kluster Rakut.
- b) **2 kes** yang melibatkan Kluster Pasai. Kes dikategorikan sebagai kes Import C dari Dearah Subis.
- c) **1 kes** saringan individu bergejala.
- d) **1 kes** individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif dalam kalangan komuniti. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **IV. Daerah Kanowit (7 Kes)**

- a) **7 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

## **V. Daerah Betong (4 Kes)**

- a) **4 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

## **VI. Daerah Miri (2 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Rakut.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di Daerah Miri. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **VII. Daerah Serian (2 Kes)**

- a) 2 kes merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19 yang melibatan kluster baharu iaitu Kluster Bedayan. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **VIII. Daerah Kuching (1 Kes)**

- a) **1 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan dari Kedah.

## **IX. Daerah Bau (1 Kes)**

- a) **1 kes** saringan individu bergejala di pusat perubatan swasta di Bandaraya Kuching. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

### **C. Kluster Baharu: (2 Kluster)**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mengisyiharkan dua (2) lagi kluster baharu iaitu **Kluster Indah Riang di Daerah Kuching dan Kluster Bedayan di Daerah Serian.**

#### **I. Kluster Indah Riang, Kuching.**

Kluster Indah Riang melibatkan Daerah Kuching, Samarahan, Simunjan dan Saratok di Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes **ke-3,107** yang telah dikesan pada 23 Januari 2021 setelah menjalani saringan COVID-19 di Hospital Umum Sarawak kerana bergejala. Hasil pengesanan aktif kontak-kontak kepada kes ini telah mengesan 15 lagi kes positif COVID-19. Sehingga 27 Januari 2021, jam 12:00 tengah hari, seramai 128 individu telah disaring, dimana:

- 16 kes dikesan positif COVID-19 (2 kes baharu);
- 14 individu negatif; dan
- 98 individu yang masih menunggu keputusan.

#### **II. Kluster Bedayan, Serian.**

Kluster Bedayan melibatkan Daerah Serian dan Samarahan di Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes ke-2,545 yang telah dikesan pada 20 Januari 2021 hasil saringan individu yang bergejala di sebuah klinik kesihatan di Serian.

Hasil pengesahan secara aktif kontak-kontak kepada kes ini, dua belas (12) lagi kes telah dikesan termasuk dua (2) kes baharu pada hari ini. Sehingga 27 Januari 2021, jam 12:00 tengah hari, seramai 112 individu telah disaring, dimana, dimana:

- 13 kes dikesan positif COVID-19 (2 kes baharu);
- 61 individu negatif; dan
- 38 individu yang masih menunggu keputusan.

#### **D. Kluster Yang Masih Aktif.**

Hari ini terdapat **10 kluster** COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

**I. Kluster Indah Riang, Kuching** :terdapat dua (2) kes dikesan hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 16 kes. Sejumlah 128 individu telah disaring, dimana 14 negatif dan 98 masih menunggu keputusan makmal.

**II. Kluster Bedayan, Serian** : terdapat dua (2) kes baharu dikesan hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 13 kes. Sejumlah 112 individu telah disaring, dimana 61 negatif dan 38 masih menunggu keputusan makmal.

**III. Kluster Rakut, Miri** : terdapat penambahan enam (6) kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 100 kes. Sejumlah 350 individu telah disaring, dimana 225 negatif dan 25 masih menunggu keputusan makmal.

**IV. Kluster Bukit Sekubong, Sebauh** : tiada penambahan kes hari. Jumlah keseluruhan kekal 30 kes. Sejumlah 280 individu telah disaring, dimana 250 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**V. Kluster Jelita, Miri** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan 53 kes. Sejumlah 290 individu telah disaring, dimana 237 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**VI. Kluster Pasai, Sibu** : terdapat penambahan 45 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 1,630 kes. Sejumlah 17,550 individu telah disaring, dimana 14,530 negatif dan 1,390 masih menunggu keputusan makmal.

**VII. Kluster Keranji Tabuan, Kuching** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal 15 kes. Sejumlah 181 individu telah disaring, dimana 166 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**VIII. Kluster Bah Sayap, Miri** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 96 kes. Sejumlah 810 individu telah disaring, dimana 714 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**IX. Kluster Stutong, Kuching** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kekal 41 kes. Sejumlah 570 individu telah disaring dimana 529 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**X. Kluster Mador, Meradong :** tiada penambahan kes hari ini.

Jumlah keseluruhan kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,238 individu telah disaring, dimana 1,230 negatif.

**E. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif).**

Terdapat **143** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Sibu (102), Hospital Miri (28), Hospital Bintulu (8) dan Hospital Umum Sarawak (5). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj meningkat kepada **2,101** orang atau **55.67%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasangkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai 1,632 orang dimana:

- 1,036 kes di bawah Hospital Sibu;
- 278 kes di bawah Hospital Miri;
- 165 kes di bawah Hospital Umum Sarawak;
- 98 kes di bawah Hospital Bintulu;
- 40 kes di bawah Hospital Kapit;
- 14 di Hospital Sarikei; dan
- 1 kes di Hospital Limbang.

Dengan penambahan satu (1) kes baharu kematian akibat jangkitan COVID-19 pada hari ini, jumlah kes kematian akibat COVID-19 di Sarawak telah meningkat kepada **34 orang atau 0.90% dari jumlah keseluruhan kes positif COVID-19.**

Hari ini, **141 PUI** baru telah dilaporkan dan **34 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **F. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini Daerah Dalat, Bintulu, Kanowit, Beluru, Miri, Sibu dan Kuching kekal berstatus Merah dengan sejumlah **1702** kes jangkitan tempatan dilaporkan di tujuh (7) buah daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Sarikei, Subis, Betong dan Song juga kekal berstatus Jingga dengan **107** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Sebauh, Lawas, Telang Usan, Bukit Mabong, Tatau, Bau, Pakan, Serian, Belaga, Meradong, Julau, Kapit, Simunjan, Asajaya, Lubok Antu, Selangau, Samarahan dan Sri Aman kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **106** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala 11 daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Kes positif di Sarawak masih tinggi dan bilangan kawasan hijau semakin berkurangan. Setakat hari ini hanya tinggal 11 daripada 40 daerah berwarna Hijau. Ini menunjukkan situasi COVID-19 di Sarawak belum lagi terkawal. Oleh yang demikian Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat keputusan berikut:

### **A. Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Di Sibu**

Pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Bahagian Sibu dari 30 Januari jam 12.01 pagi hingga 14 Februari 2021 jam 11.59 malam.

### **B. Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Sarawak**

Pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di bahagian-bahagian lain di Sarawak, berkuatkuasa 01 Februari 2021 jam 12.01 pagi hingga 14 Februari 2021 jam 11.59 malam.

## **3. PENGUMUMAN KHAS**

Hari ini merupakan ulang tahun pertama beroperasinya Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak COVID-19. Bagi pihak jawatankuasa, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan hadapan di atas komitmen dan pengorbanan yang telah dihulurkan.

Perjuangan kita belum selesai. Maka teruskan berganding bahu dan berusaha dengan lebih gigih lagi.

Terima kasih juga kepada rakyat Sarawak yang perihatin di atas derma dan sumbangan dalam pelbagai bentuk kepada Jawatankuasa ini.

Bagi mereka yang telah kehilangan ahli keluarga akibat jangkitan COVID-19, Jawatankuasa sekali lagi ingin mengucapkan ucapan takziah. Bagi mereka yang telah pulih dari jangkitan COVID-19, tahniah diucapkan dan ***stay strong, stay safe and stay at home.***

#### **4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **24 kompaun** di daerah Kuching (9), Bintulu (6), Samarahan (5), Sibu (3) dan Padawan (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **99 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (31), DBKU (22), SMC (16), BDA (10), SRDC (7), MBKS (6), MD Marudi (5), MD Serian (1) dan MB Miri (1).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
27 JANUARI 2021  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases		3704	Total Cases still in ward and under medical supervision			1,632	43.24%	
New Cases		70	Cases in Intensive Care Unit (ICU)			7	0.19%	
Total Samples by Individu		295,938	Intubated Cases			7	0.19%	
Cumm. Positive Cases		3774	Total COVID-19 Death Cases			34	0.90%	
IR per 100,000 population		122.24	Total Non-COVID-19 Death Cases			7	0.19%	
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Recovered and discharged cases			2,101	55.67%	
	Negative	66	Patient Under Investigation (PUI)			New	Cummulative	
Pending Result		28	141			34	14,627	

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital Kapit	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Total Cases still in ward and under medical supervision		165	1036	98	278	1	14	40	0	1,632
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		2	4	0	1	0	0	0	0	7
Intubated cases		2	3	0	2	0	0	0	0	7
Total COVID-19 Death Cases		17	12	1	4	0	0	0	0	34
Total Non-COVID-19 Death Cases		1	3	1	2	0	0	0	0	7
Recovered and discharged cases	New	5	102	8	28	0	0	0	0	143
	Cummulative	1008	704	106	279	1	0	0	3	2,101
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED		3	4	1	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)		1,190	1,748	207	563	1	14	35	3	3,761

DAERAH MERAH (7)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Dalat	9	132	10	88	0	22	0	0	0	0	66	69	69
2	Bintulu	9	553	9	161	6	83	0	1	0	0	77	94	68
3	Kanowit	7	174	7	230	15	77	0	1	0	1	151	218	216
4	Beluru	0	53	0	64	7	17	0	1	0	0	46	46	45
5	Miri	2	1255	2	445	21	239	0	0	0	4	202	214	196
6	Sibu	34	1496	34	1348	87	547	0	2	1	11	788	1060	1056
7	Kuching	66	8,554	1	897	2	811	0	1	0	12	73	76	52
Jumlah		127	12,217	63	3,233	138	1,796	0	6	1	28	1,403	1,777	1,702

DAERAH JINGGA (4)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sarikei	0	115	0	29	0	17	0	0	0	0	12	22	21
2	Subis	0	22	0	23	0	0	0	0	0	0	23	23	22
3	Betong	4	230	4	54	0	21	0	0	0	0	33	36	34
4	Song	0	35	0	30	0	0	0	0	0	0	30	30	30
Jumlah		4	402	4	136	0	38	0	0	0	0	98	111	107

DAERAH KUNING (18)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sebauh	0	37	0	34	2	22	0	0	0	0	12	13	12
2	Lawas	0	36	0	17	0	12	0	0	0	0	5	5	3
3	Telang Usan	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	1	1
4	Bukit Mabong	0	2	0	2	0	0	0	0	0	0	2	1	1
5	Tatau	0	10	0	1	0	0	0	0	0	0	1	1	1
6	Bau	2	203	1	9	0	7	0	0	0	0	2	2	2
7	Pakan	0	3	0	4	0	0	0	0	0	0	4	4	4
8	Serian	3	162	2	38	0	25	0	0	0	0	13	13	12
9	Belaga	0	10	0	2	0	1	0	0	0	0	1	2	1
10	Meradong	0	43	0	9	0	5	0	0	0	0	4	5	4
11	Julau	0	15	0	14	0	4	0	0	0	0	10	13	6
12	Kapit	0	45	0	18	0	0	0	0	0	0	18	17	12
13	Simunjan	0	73	0	15	0	10	0	0	0	0	5	7	4
14	Asajaya	0	48	0	9	0	7	0	0	0	0	2	2	2
15	Lubok Antu	0	46	0	18	0	5	0	0	0	0	13	14	14
16	Selangau	0	4	0	12	0	8	0	0	0	0	4	10	9
17	Samarahan	5	666	0	134	3	118	0	0	0	4	12	15	8
18	Sri Aman	0	72	0	21	0	8	0	0	0	1	12	10	10
Jumlah		10	1,475	3	358	5	232	0	0	0	5	121	135	106

DAERAH HIJAU (11)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Limbang	0	40	0	16	0	12	0	1	0	1	2	2	0
2	Lundu	0	267	0	8	0	8	0	0	0	0	0	0	0
3	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
4	Tebedu	0	9	0	8	0	8	0	0	0	0	0	1	0
5	Mukah	0	82	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
6	Daro	0	41	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	0
7	Matu	0	12	0	6	0	1	0	0	0	0	5	5	0
8	Pusa	0	10	0	2	0	2	0	0	0	0	0	0	0
9	Saratak	0	32	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	0
10	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11	Marudi	0	14	0	1	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Jumlah		0	533	0	47	0	35	0	1	0	1	10	11	0

Jumlah Besar	141	14,627	70	3,774	143	2,101	0	7	1	34	1,632	2,034	1,915
--------------	-----	--------	----	-------	-----	-------	---	---	---	----	-------	-------	-------

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **221 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **75 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,663 orang**. Manakala seramai **57,369 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,201)	Hock Lee	90
2		Grand Dormani	16
3		Kuching Park	110
4		Pullman	366
5		Hilton	146
6		Harbour View	299
7		Riverside (Astana Wing)	211
8		Grand Margherita	227
9		Imperial Boulevard	219
10		Tune Hotel	46
11		Dormani Hotel	41
12		Grand Continental	212
13		Meritin	22
14		Longhouse	48
15		Abell	0
16		Lot 10	0
17		Telang Usan	30
18		Imperial Riverbank	36
19		Kingwood	82
20	Miri (788)	Mega Hotel	107
21		Somerset	21
22		Imperial Palace	247
23		Eastwood Valley	8
24		Imperial New Wing	90
25		Paragon	40
26		Meritz	107
27		Miri	24
28		Dynasty	109
29		Kenyalang Suite	20
30		Citi Hotel	15
31		Nova	0
32		Wasan Inn	17
33		Fairfield by Marriot	86
34		Kidurong Inn	28

35	<b>Bintulu (1,116)</b>	Motel Kapok	77
36		Faber Inn	27
37		AA Inn	41
38		Ambassador	72
39		Kemenia Inn	1
40		Green	118
41		Kemenia Plaza	97
42		40ty Inn	0
43		Lengkap Inn	36
44		Studio Inn	33
45		Sunstar Inn	11
46		Parkcity Garden	20
47		Mega Inn	12
48		Kriss Lodge	34
49		Central Inn	28
50		Welcome Inn	20
51		Parkcity Garden 2	83
52		Lucky 5 Inn	33
53		900 Inn	13
54		New World Suite	49
55		Golden Bay	13
56		Kemenia Resort	129
57		Inn 85	16
58		Sunlight Inn	22
59	<b>Limbang (257)</b>	Purnama	37
60		Mandarin (Lawas)	32
61		Shangsan (Lawas)	56
62		Seri Malaysia (Lawas)	132
63	<b>Sibu (130)</b>	Premier	31
64		Kawan	82
65		Sarawak	17
66	<b>Samarahan (78)</b>	INFRA	48
67		Kolej Rafflesia, UNIMAS	30
68		UiTM	0
69	<b>Sarikei (57)</b>	Garden Hotel	3
70		Dragon	35
71		Wawasan Inn	19
72	<b>Betong (34)</b>	Mega Inn	7
73		Medan Inn	3
74		Victoria Inn	24
75	<b>Serian (2)</b>	Transit Inn	2
<b>Jumlah PUS</b>			<b>4,663</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **15 lokasi di Sibu (3), Miri (2), Kapit (2), Mukah (2), Bintulu (2), Kuching (1), Samarahan (1), Serian (1) dan Betong (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,436 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>752</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>511</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>3</b>	<b>257</b>
4	Sarikei	TIADA	170
<b>5</b>	<b>Samarahan</b>	<b>1</b>	<b>144</b>
<b>6</b>	<b>Bintulu</b>	<b>2</b>	<b>139</b>
7	Limbang	TIADA	100
<b>8</b>	<b>Kapit</b>	<b>2</b>	<b>94</b>
<b>9</b>	<b>Serian</b>	<b>1</b>	<b>79</b>
<b>10</b>	<b>Betong</b>	<b>1</b>	<b>65</b>
11	Sri Aman	TIADA	64
<b>12</b>	<b>Mukah</b>	<b>2</b>	<b>61</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,436</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **61 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MPP	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	5
4	MD Betong	2
5	MP Sibu	6
6	BDA	5
7	MD Maradong & Julau	5
8	MD Kanowit	2
9	MD Kapit	2
10	MB Miri	15
11	MD Marudi	5
12	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>61</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

### BAHAGIAN KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Royale Vape Matang	Social activity - Customer	14.01.2021	1.00 pm - 2.30 pm
Ming Ming Food Court, Bau	Eatery	24.01.2021	1.30 pm - 2.30 pm

### DAERAH SARIKEI / MERADONG

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Welcome Cafe, Sarikei	Cafe	14.01.2021	12.04 pm- 1.00 pm
Everwin Kopitiam, Sarikei	Kopitiam	17.01.2021	10.14 am - 10.50 am
		21.01.2021	8.12 am - 8.40 pm
Sekyen Hasil & One Stop JTS, Sarikei	Office	18.01.2021	12.41 pm - 1.30 pm
			2.19 pm - 2.55 pm
New Fortune Restuarant, Sarikei	Restaurant	19.01.2021	12.39 pm - 1.30 pm
Kindo Cafe, Bintangor	Cafe	20.01.2021	10.26 am - 11.15 am
Happy Telecommunication, Sarikei	Store	20.01.2021	1.31 pm - 2.00 pm
Dewan Suarah Sarikei	Community Hall	21.01.2021	11.35 am - 1.00 pm
21 Cafe, Sarikei	Cafe	25.01.2021	1.19 pm - 1.50 pm
Nam Leong Department Store, Sarikei	Supermarket	25.01.2021	4.24 pm - 4.55 pm

## DAERAH SIBU

Name of exposed location	Category	Exposure Date	Time period affected
Pasar Sungai Merah	Market	11.01.2021	3.24 pm - 4.00 pm
MDS Mart (SIBU) Sdn Bhd	Supermarket	11.01.2021	11.40 am - 12.15 pm
Pasar Tani Kekal Permai Sibu	Market	12.01.2021	10.54 am - 11.30 am
Wang Hung Kopitiam	Kopitiam	12.01.2021	10.57 am - 11.45 am
Too Mart Fresh Market	Mini Market	13.01.2021	9.42 am - 10.00 am
Aroma Café	Kopitiam	14.01.2021	12.06 pm - 12.45 pm
HI Mart Fresh Market Salim	Mini Market	17.01.2021	8.52 am - 9.20 am
Kim Hock Supermarket Sdn Bhd	Supermarket	17.01.2021	12.26 pm - 1.00 pm
Kampung Chicken Rice	Kopitiam	17.01.2021	11.37 am - 11.55 am
Sibu Central Market	Market	18.01.2021	2.14 pm - 3.00 pm
Gmart Superstore Lrg Ulu Oya	Supermarket	22.01.2021	2.46 pm - 3.10 pm
Sion Hin Café	Kopitiam	24.01.2021	11.28 am - 11.50 am

## DAERAH KANOWIT

Name of exposed location	Category	Exposure Date	Time period affected
Kedai Kopi Alun	Kopitiam	02.01.2021	10.47 am - 11.20 am
Everwin Enterprise Sdn Bhd	Supermarket	07.01.2021	2.59 pm - 3.30 pm
Family W Minimart	Supermarket	18.01.2021	9.57 am - 10.30 am

## DAERAH SELANGAU

Name of exposed location	Category	Exposure Date	Time period affected
Indai Mart, Stapang	Supermarket	01.01.2021	11.50 am - 11.55 pm
Siong Lee Company, Stapang	Hardware	01.01.2021	11.56 am - 12.01 pm
Ting Trading, Stapang	Hardware	01.01.2021	12.02 pm - 12.10 pm
Stesen Minyak Buraq, Stapang	Gas Station	01.01.2021	12.11 pm - 12.15 pm

## DAERAH DALAT

Name of exposed location	Category	Exposure Date	Time period affected
Market Dalat	Market	06.01.2021	9.00 am - 12.00 pm
		08.01.2021	9.00 am - 12.00 pm
Ing Hin Leong, Dalat	Supermarket	06.01.2021	11.00 am - 12.10 pm
		08.01.2021	11.00 am - 12.10 pm

## DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Hotel Kidurong Inn	Workplace	22.01.2021	8.00 am - 5.00 pm
98 Cafe Bintulu	Cafe - Customer	14.01.2021	12.00 pm - 12.30 pm
Hong Kong Pau Cafe Medan Jaya	Cafe - Customer	15.01.2021	12.00 pm - 12.30 pm
Sing Kwong Supermarket Medan Raya	Supermarket-Customer	17.01.2021	12.54 pm - 1.00 pm
Jun Rong Medan Wearhouse	Shop - Customer	17.01.2021	1.30 pm - 2.00 pm
TTS 89 Trading	Kedai Runcit	17.01.2021	1.45 pm - 2.00 pm
7 Eleven Kidurong Industry	Shop - Customer	17.01.2021	2.00 pm 2.10 pm
Farley Supermarket Medan	Supermarket	17.01.2021	3.00 pm - 4.00 pm
The Spring Mall	Mall-Social	20.01.2021	5.35 pm - 6.30 pm
Restoran Muara	Cafe - Customer	20.01.2021	12.37 pm - 1.00 pm
Emart Kemena	Mart - Customer	20.01.2021	5.05 pm - 6.00 pm
Yoyo Cafe Bintulu	Cafe - Customer	20.01.2021	8.30 am - 8.45 am
Soto Nor Cafe	Cafe - Customer	21.01.2021	7.07 am - 7.30 am
Famous Pelita Cafe	Cafe - Customer	21.01.2021	8.23 am - 8.45 am

## DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Ali Papa Café, Saberkas	Eatery	16.01.2021	9.00 am - 9.30 am
Shanghai Kafe, Jalan Maigold	Eatery	17.01.2021	11.45 am - 12.30 pm
Fook Hai Food Center,Pujut	Eatery	17.01.2021	9.00 am - 9.30 am
Papa Son Coffee Shop, Lorong Mulia	Eatery	17.01.2021	7.50 am - 8.30 am
Eka BBQ Fook Hai Food Center,Pujut	Eatery	17.01.2021	6.15 pm - 6.45 pm
Old Taste Ice Kacang, Piasau Commercial Center	Eatery	21.01.2021	4.45 pm - 5.50 pm